

KOMPETENSI GURU PRASEKOLAH DAN IBU BAPA DALAM PENGESANAN AWAL DISLEKSIA BAGI KANAK-KANAK PRASEKOLAH

RATHANA A/P SHANMUGAVEL

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2021

**KOMPETENSI GURU PRASEKOLAH DAN IBU BAPA DALAM PENGESANAN
AWAL DISLEKSIA BAGI KANAK-KANAK PRASEKOLAH**

RATHANA A/P SHANMUGAVEL

**LAPORAN KERTAS PROJEK DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2021

PENGAKUAN KEASLIAN PENULISAN

UPSI/IPS-3/BO 32
Pind : 00 m/s: 1/1



Sila tanda (v)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

1

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada ...28...(hari bulan).....MEI. (bulan) 2021....

i. Perakuan pelajar :

Saya, RATHANA A/P SHANMUGAVEL, M20191000654, FPM (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk KOMPETENSI GURU PRASEKOLAH DAN IBU BAPA DALAM PENGESANAN AWAL DISLEKSIA BAGI KANAK-KANAK PRASEKOLAH

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. ROHAIZAT BINTI IBRAHIM (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk KOMPETENSI GURU PRASEKOLAH DAN IBU BAPA DALAM PENGESANAN AWAL DISLEKSIA BAGI KANAK-KANAK PRASEKOLAH

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN KHAS

(SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

1 September 2021

Tarikh

DR. ROHAIZAT BINTI IBRAHIM
Tandatangan Penyelia
Jabatan Pendidikan Khas
Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris

PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS

UPSI/PS-3/BO 31
Pind.: 01 m/s:1/1



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH / INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: KOMPETENSI GURU PRASEKOLAH DAN IBU BAPA DALAM
PENGESANAN AWAL DISLEKSIA BAGI KANAK-KANAK PRASEKOLAH

No. Matrik / Matric's No.: M20191000654

Saya / I: RATHANA A/P SHANMUGAVEL

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☒ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☐ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 1 September 2021

(Tandatangan Ketua/ Supervisor)
& (Nama & Copi/ Name & Official Stamp)

Jabatan Pendidikan Khas
Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Syukur kepada Tuhan, kerana dengan berkat dan izinnya penyelidik dapat menyelesaikan kajian ini. Penyelidik ingin merakamkan penghargaan ikhlas kepada penyelia yang kehormat Dr. Rohaizat Binti Ibrahim atas bimbingan dan dorongan yang diberikan sepanjang tempoh penyelidikan ini. Jutaan terima kasih atas kerjasama daripada pihak sekolah di daerah Larut Matang dan Selama, Kerian, Batang Padang dan Kuala Kangsar sepanjang pelaksanaan kajian dan proses pengumpulan data kajian ini. Tidak dilupakan juga kepada keluarga yang tersayang yang menyumbang tenaga dan masa serta sokongan moral yang tidak terhingga menggalakkan penyelidik terus berjuang. Akhir sekali terima kasih kepada rakan seperjuangan yang telah banyak membantu terutamanya atas perkongsian ilmu sepanjang kajian dijalankan. Penghargaan ini juga ditujukan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung membantu menjayakan projek penyelidikan ini. Saya mengakhiri penghargaan saya dengan pantun yang berbunyi;



‘Pohon sirih pohon selasih
Tumbuh merimbun di hujung laman
Kalungan budi junjungan kasih
Kekal cemerlang sepanjang zaman’.





ABSTRAK

Di Malaysia, instrumen pengesanan awal disleksia kurang dititiberatkan untuk kanak-kanak prasekolah. Maka, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti kompetensi guru prasekolah dan ibu bapa dari segi aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap terhadap pengesanan awal disleksia dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Terdapat dua objektif yang dirangka antaranya objektif pertama dibuat untuk mengenalpasti masalah pengesanan awal disleksia bagi kanak-kanak prasekolah dari pandangan guru prasekolah dan ibu bapa. Oleh itu, Kajian Literatur Sistemik (SLR) digunakan sebagai reka bentuk kajian. Sebanyak 29 artikel dipilih dari Scopus, Springer, Sage Publications dari tahun 2015 hingga 2020. Daripada 29 artikel hanya 6 artikel dipilih melalui teknik PRISMA untuk menjawab persoalan pertama. Manakala objektif kedua adalah bagi mengenalpasti kompetensi guru prasekolah dan ibu bapa dari aspek pengetahuan, kemahiran serta sikap terhadap pengesanan awal disleksia bagi kanak-kanak prasekolah. Oleh itu, reka bentuk kuantitatif berorientasikan tinjauan dijalankan dengan menggunakan satu set instrumen soal selidik yang terdiri dari 18 item, yang dikategorikan berdasarkan pengetahuan, kemahiran dan sikap. Instrumen ini diadaptasi dan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan kesahan dalaman pada 0.9. Oleh itu, seramai 191 sampel kajian termasuk guru prasekolah dan ibu bapa dipilih dari persampelan kluster di empat daerah PERAK. Data menggunakan analisis SPSS dan ujian inferensi statistik *two way* ANOVA digunakan. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kompetensi guru prasekolah dan ibu bapa dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap terhadap pengesanan awal disleksia bagi kanak-kanak prasekolah. Impaknya, kajian ini memberi kesedaran kepada guru prasekolah dan ibu bapa mengenai kemajuan kanak-kanak prasekolah dalam kemahiran utama seperti membaca, ejaan, menulis dan aritmetik sejak usia muda. Kajian ini juga mempunyai implikasi dalam beberapa perkara seperti perubahan dasar, kaedah pelaksanaan, kesediaan guru dan penglibatan ibu bapa. Cadangan lanjutan adalah kajian ini perlu dilaksanakan di seluruh negara untuk melihat hasil yang memberangsangkan terhadap pengesanan awal disleksia.



COMPETENCE OF PRESCHOOL TEACHERS AND PARENTS IN THE EARLY DETECTION OF DYSLLEXIA FOR PRESCHOOL CHILDREN

ABSTRACT

In Malaysia, instruments for early detection of dyslexia are under emphasized for preschool children. Thus, this study was to identify the competence of preschool teachers and parents in terms of knowledge, skills and attitudes towards the early detection of dyslexia among preschool children. There are two objectives formulated for this research. First objective is to identify the problems of early detection of dyslexia among preschool children from the perspective of preschool teachers and parents. Hence, Systematic Literature Review (SLR) used as the design study. Therefore, a total of 29 articles taken from Scopus, Springer and Sage Publications from the year 2015 until 2020. Only 6 articles were selected through the PRISMA technique. Next, second objective is to identify the competency of preschool teachers and parents in terms of knowledge, skills and attitude towards the early detection of dyslexia for preschool children. So, survey based quantitative research carried out using a set of questionnaire instrument that consists of 18 items, which are, categorize by knowledge, skills and attitudes. This instrument was adapted, has high reliability and internal validity at 0.9. Around 191 respondents including preschool teachers and parents were chosen from cluster sampling in four districts of PERAK. The data was analysis using SPSS two way ANOVA test. The findings of the study indicate that there is no significant difference between the competency of preschool teachers and parents in terms of knowledge, skills and attitudes towards the early detection of dyslexia for preschool children. Hereby, this research brings awareness to preschool teachers and parents on preschool children's progress in main skills since young age. In order that, it has implications for several key items namely policy changes, implementation methods, teacher readiness and parental involvement. As further suggestion, this study should be conducted nationwide to get holistic view on early detection.



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Tujuan Kajian	7
1.5 Objektif Kajian	7
1.6 Persoalan Kajian	7
1.7 Hipotesis Kajian	7
1.8 Kerangka Konseptual Kajian	8
1.9 Definisi Operasional	10
1.9.1 Kompetensi	10
1.9.2 Guru Prasekolah	10
1.9.3 Ibu Bapa	10
1.9.4 Pengesanan Awal	11
1.9.5 Disleksia	11
1.9.6 Kanak-kanak Prasekolah	11
1.10 Batasan Kajian	12
1.11 Kepentingan Kajian	13
1.12 Rumusan Bab	15
BAB 2 TINJAUAN LITERATUR	16
2.1 Pendahuluan	16
2.2 Definisi Disleksia	17



Muka Surat

2.3	Ciri-ciri disleksia bagi kanak-kanak prasekolah	19
2.3.1	Tingkah Laku	19
2.3.2	Kognitif	20
2.3.3	Neurobiologikal	21
2.3.4	Genetik	22
2.4	Polisi Dan Pelaksanaan Disleksia Bagi Kanak-Kanak Prasekolah	23
2.4.1	Malaysia	23
2.4.2	Luar Negara	25
2.5	Pengesanan Awal Disleksia Kanak-Kanak Prasekolah di dalam dan luar negara	31
2.5.1	Alat pengesanan awal disleksia bagi kanak-kanak Prasekolah di Malaysia	31
2.5.2	Alat pengesanan awal disleksia bagi kanak-kanak Prasekolah di Luar Negara	33
2.6	Kajian berkaitan dengan pengesanan awal disleksia kanak-kanak prasekolah	37
2.6.1	Malaysia	37
2.6.2	Luar Negara	39
2.7	Teori Kompetensi	41
2.8	Kajian berkaitan dengan kompetensi (pengetahuan, kemahiran dan sikap) guru prasekolah dan ibu bapa terhadap pengesanan awal disleksia kanak-kanak prasekolah.	46
2.9	Rumusan	50

BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	51
3.1	Pendahuluan	51
3.2	Reka Bentuk Kajian	52
3.3	Populasi dan Sampel	52
3.3.1	Pemilihan Data Sampel Tinjauan	53
3.4	Instrumen	55
3.4.1	Bahagian A: Demografi Sampel Kajian	55
3.4.2	Bahagian B : Kompetensi	56
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan	57
3.5.1	Kesahan Kandungan	57
3.5.2	Kesahan Konstruk	58
3.5.3	Kebolehpercayaan Instrumen	58
3.6	Kajian Rintis	61

Muka Surat

3.6.1	Analisis Deskriptif	62
3.6.2	Analisis Statistik Inferensi	64
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	67
3.7.1	Prosedur Pengumpulan Data SLR	67
3.7.2	Prosedur Pengumpulan Data Tinjauan	72
3.8	Kaedah atau Teknik Menganalisis Data	73
3.9	Rumusan	74
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	75
4.1	Pendahuluan	75
4.2	Analisis Dapatan SLR	76
4.2.1	Persoalan Kajian Pertama	81
4.3	Analisis Dapatan Kajian Kuantitatif	86
4.3.1	Analisis Deskriptif Demogafi	86
4.3.2	Analisis Statistik Inferensi	88
4.4	Analisis Keseluruhan	93
4.5	Rumusan	95
BAB 5	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	96
5.1	Pendahuluan	96
5.2	Perbincangan Kajian	97
5.2.1	Masalah pengesanan awal disleksia bagi kanak-kanak prasekolah dari pandangan guru prasekolah dan ibu bapa	97
5.2.2	Tahap Kompetensi guru prasekolah dan ibu bapa dari aspek pengetahuan, kemahiran serta sikap terhadap pengesanan awal disleksia bagi kanak-kanak prasekolah	103
5.3	Implikasi Kajian	105
5.3.1	Implikasi Kajian terhadap Teori	105
5.3.2	Implikasi Kajian terhadap Amalan	107
5.4	Cadangan Lanjutan	111
5.5	Rumusan	113
RUJUKAN		114
LAMPIRAN		124



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.2.1	Data Bilangan Murid Berkeperluan Khas (MBK) Mengikut Sekolah Dan Program Pendidikan Khas	3
1.2.2	Bilangan Disleksia Mengikut Sekolah Dan Program Pendidikan Khas	4
2.7.2	Perbandingan Dimensi Kompetensi	44
3.3.1.1	Jadual Populasi	54
3.3.1.2	Jadual Pensampelan	54
3.5.1	Kesahan Pakar	57
3.5.3.1	Nilai Kebolehpercayaan Croanbach Alpha	58
3.5.3.2	Nilai Kebolehpercayaan bagi Aspek Pengetahuan	59
3.5.3.3	Nilai Kebolehpercayaan bagi Aspek Kemahiran	59
3.5.3.4	Nilai Kebolehpercayaan bagi Aspek Sikap	60
3.6.1.1	Jenis Kategori	62
3.6.1.2	Analisis Statistik Deskriptif	62
3.6.2.1	Ujian Normaliti	64
3.6.2.2	Ujian Levene	65
3.6.2.3	Ujian Univariate	65
3.6.2.4	Perbezaan Kesan di antara Pemboleh Ubah	66
3.7.1.1	Rangka Spider	69
3.7.1.2	Proses Pengenalpastian Kata Kunci	70





No. Jadual		Muka Surat
3.8	Kaedah Menganalisis Data	73
4.2	Dapatan keseluruhan SLR	77
4.2.1	Analisis Dapatan SLR Berdasarkan Persoalan Kajian	81
4.3.1	Butiran Demografi	86
4.3.2.1	Kategori Sampel Kajian	88
4.3.2.2	Min Keseluruhan	89
4.3.2.3	Perbezaan Min	89
4.3.2.4	Statistik Deskriptif	90
4.3.2.5	Ujian Levene	90
4.3.2.6	Ujian Univariate	91
4.3.2.7	Perbezaan Kesan di antara Pemboleh ubah	92



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.8.1	Kerangka Konseptual Kajian	8
2.3.4	Teori Fonologikal	22
2.7.1	Model Kompetensi Boyatzis (1982)	42
2.7.2	Model Kompetensi Aisberg	43
3.7.1.1	Proses SLR	67
3.7.2	Carta Alir Prosedur Pengumpulan Data Tinjauan	72
4.2	Carta Alir PRISMA yang Diadaptasi	76
4.4.1	Kesan Saiz Sampel Berdasarkan Aspek Pengetahuan	93
4.4.2	Kesan Saiz Sampel Berdasarkan Aspek Kemahiran	94
4.4.3	Kesan Saiz Sampel Berdasarkan Aspek Sikap	94
4.4.4	Tahap Kompetensi Berdasarkan Kategori	95

SENARAI SINGKATAN

ISD	Instrumen Senarai Semak
PELI	<i>Preschool Early Literacy Indicator</i>
IDA	<i>International Dyslexia Association</i>
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
SPK	Sekolah Pendidikan Khas
PPKI	Program Pendidikan Khas Integrasi
PPI	Program Pendidikan Inklusif
RPI	Rancangan Pendidikan Individu
SLR	<i>Systematic Literature Review</i>
SPSS	<i>Statistical Package for the Social Sciences</i>
SGM	Standard Guru Malaysia
LINUS	Linus dan Numerasi

SENARAI LAMPIRAN

- A Instrumen Soal Selidik
- B Surat Pengesahan Pelajar
- C Surat Pengesahan Penyelidikan- Di Luar UPSI



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 hingga 2025 merupakan dasar dan panduan kepada sistem pendidikan di Malaysia yang bersifat holistik. Dalam pelan ini, tumpuan diberikan dari peringkat prasekolah sehingga lepas menengah bagi meningkatkan kadar literasi dan mutu pendidikan. Sehubungan dengan itu, Pendidikan Khas juga turut diberi keutamaan dalam PPPM 2013 hingga 2025 mengikut tiga gelombang utama iaitu gelombang pertama (2013-2015), gelombang kedua (2016-2020) dan gelombang ketiga (2021-2025). Rentetan itu, Kerajaan Malaysia juga bersetuju dengan pernyataan bahawa kekurangan instrumen pengesanan yang standard (PPPM 2013-2025) memberi impak ke atas sistem pendidikan.



1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan prasekolah ialah pendidikan yang diterima oleh kanak-kanak yang berumur di antara empat hingga enam tahun dalam jangka masa satu tahun atau lebih sebelum memasuki ke Tahun Satu di sekolah formal (KPM, 2019). Di Malaysia, program pendidikan prasekolah ditawarkan di sekolah kerajaan, sekolah bantuan kerajaan, KEMAS, mahupun swasta. Secara umumnya, pendidikan prasekolah bertujuan untuk meningkatkan potensi murid dalam semua aspek perkembangan, menguasai kemahiran asas dan memupuk sikap positif sebagai persediaan sebelum memasuki sekolah rendah. Namun, hakikatnya menjadi lain apabila kanak-kanak prasekolah mengalami kerumitan dalam penguasaan bahasa dan akademik menurut Najwa (2019), sosioemosi (Siti Rohana, 2021) dan fizikal (Atikah & Yunus, 2018). Tetapi kini telah menjangkau dalam pengesanan awal disleksia bagi kanak-kanak prasekolah (Colenbrander, Ricketts & Breadmore, 2018). Segalanya bertitik tolak daripada kekurangan kompetensi guru prasekolah dan ibu bapa dalam mengesan disleksia sejak kecil lagi.

Menurut International Dyslexia Association, IDA (2017), sebanyak 15% hingga 20% daripada populasi dipengaruhi oleh beberapa simptom disleksia termasuk kelemahan dalam pembacaan dan penulisan. Disleksia merupakan istilah yang digunakan dalam bidang pendidikan khas terutamanya dalam kategori masalah pembelajaran spesifik. Ilmu dan pengetahuan yang mendalam mengenai disleksia di negara Malaysia masih diceburi oleh pakar-pakar terapi, penyelidik dan pertubuhan disleksia. Sebaliknya, disleksia menjadi tumpuan dan bahan kajian di luar negara berbanding dengan negara Malaysia. Berdasarkan *The Salamanca Statement and Framework For An Action on Special Needs Education* (1994) telah diamalkan dan dipraktikkan di seluruh negara dengan memastikan setiap kanak-kanak sama ada



mempunyai masalah pembelajaran, masalah kurang upaya tetap diberikan pendidikan yang sama rata di peringkat awal lagi. Dengan ini, aspek pengesanan awal memainkan peranan yang penting dalam mengenal pasti murid bermasalah pembelajaran spesifik seperti disleksia sejak zaman prasekolah lagi.

Berdasarkan jadual 1.2.1, terdapat keseluruhan sebanyak 1374 Pendidikan Prasekolah Pendidikan Khas di bawah program Sekolah Pendidikan Khas (SPK), Program Pendidikan Khas Intergrasi (PPKI) dan Program Pendidikan Inklusif (PPI Penuh di arus Perdana) di negara Malaysia.

Jadual 1.2.1

Data Bilangan Murid Berkeperluan Khas (MBK) Mengikut Sekolah Dan Program Pendidikan Khas

PROGRAM	MBK			JUMLAH
	PRA	REN	MEN	
Sekolah Pendidikan Khas	144	1,272	1,082	2,498
Program Pendidikan Khas Integrasi	980	39,925	28,723	69,628
Program Pendidikan Inklusif (PPI Penuh di Arus Perdana sahaja)	250	8468	7,575	16,293
JUMLAH	1374	49,665	37,380	88,419

(Sumber : Data Pendidikan Khas, 2019)

Sehubungan dengan itu, penyelidik ingin mengkaji mengenai Pendidikan Prasekolah Pendidikan Khas terutamanya Disleksia di mana jumlah keseluruhan kanak-kanak prasekolah yang mengalami Disleksia ialah sebanyak 25 sahaja di ketiga-tiga program yang ditawarkan sehingga tahun 2019. Tetapi apabila dilihat disleksia bagi kategori sekolah rendah adalah sebanyak 7319 manakala kategori sekolah menengah adalah seramai 5075. Jadual 1.2.2 menunjukkan bilangan Disleksia mengikut sekolah dan program pendidikan khas.

Jadual 1.2.2

Bilangan Disleksia Mengikut Sekolah Dan Program Pendidikan Khas

Bil	Jenis Kurang Upaya	SPK			PPKI			PPI AP			Jumlah Keseluruhan
		PRA	REN	MEN	PRA	REN	MEN	PRA	REN	MEN	
1.	Disleksia	4	35	142	16	5541	3694	5	1743	1239	12,419

(Sumber : Data Pendidikan Khas, 2019)

Berdasarkan kepada bilangan kanak-kanak disleksia mengikut sekolah, telah membuktikan bahawa murid yang mengalami disleksia di peringkat sekolah rendah dan menengah adalah tinggi berbanding dengan peringkat prasekolah. Jadi, isunya adalah instrumen pengesanan awal disleksia yang standard tidak dijalankan sejak pendidikan prasekolah lagi. Malahan, murid pula disaring menggunakan Instrumen Senarai Semak Disleskia setelah memasuki sekolah rendah sahaja mengakibatkan bilangan disleksia adalah meningkat dari prasekolah ke sekolah rendah dan seterusnya ke peringkat menengah.



1.3 Pernyataan Masalah

Isu pertama yang merupakan masalah sejagat ialah kekurangan pengetahuan guru prasekolah dan ibu bapa terhadap pengesanan awal disleksia bagi kanak-kanak prasekolah. Kajian lalu menunjukkan bahawa kekurangan pengetahuan ini telah mengakibatkan isu keciciran bahasa (Germano et al., 2017). Dapatan kajian oleh Germano et al (2017) menunjukkan kekurangan pengetahuan oleh guru prasekolah dan ibu bapa memberi impak ke atas ketidaksederan fonik dan ilmu huruf serta kelambatan dalam bahasa di peringkat awal lagi bagi kanak-kanak prasekolah.

Isu seterusnya adalah kekurangan kemahiran dalam kalangan guru prasekolah dan ibu bapa. Misalnya, kajian oleh Anis et al. (2018), mengatakan guru prasekolah mengalami kemahiran yang minimum disebabkan oleh tiada ada suatu modul standard untuk kelas disleksia di sekolah Kerajaan serta penggunaan teknik pengajaran dan pembelajaran tradisional kepada semua kategori kanak-kanak. Manakala, dapatan kajian oleh Yazid dan Yin (2015), mengatakan walaupun ibu bapa di luar bandar, mereka masih mempunyai pemahaman mengenai ciri-ciri umum tentang disleksia tetapi dari segi pengesanan awal, punca dan rawatan masih tidak memahami dan memiliki kemahiran sepenuhnya.

Selain itu, kajian turut mendapati bahawa sikap guru prasekolah dan ibu bapa terhadap pengesanan awal disleksia masih dalam tanggapan yang negatif. Kenyataan ini disokong dengan dapatan oleh Ramli et al. (2019) di mana sikap negatif guru terhadap kanak-kanak disleksia dipamerkan apabila suka melabelkan dengan perkataan 'pemalas' dan 'lembab'. Sebaliknya, menurut dapatan Yazid dan Yin (2015) mengatakan ibu bapa di luar bandar pula beranggapan bahawa mereka memperoleh





anak yang kurang cerdas dan menyusahkan orang di sekitarnya disebabkan oleh kurang pendedahan mengenai disleksia.

Meskipun terdapat kajian ilmiah berkaitan dengan aspek pengesanan awal dari pandangan guru prasekolah atau ibu bapa, namun masih terdapat lompang dalam kajian lalu misalnya hanya tertumpu kepada skop pengetahuan guru mahupun ibu bapa. Seperti kajian oleh Ramli et al. (2019) dan kajian oleh Gonzalez dan Brown (2019), Anis et al. (2018) hanya membincangkan tentang skop pengetahuan guru prasekolah manakala kajian oleh Yazid dan Yin (2015) hanya bertumpu kepada pemahaman Ibu Bapa terhadap masalah Disleksia. Berdasarkan itu, kajian ini perlu bagi menjelaskan kompetensi guru prasekolah dan ibu bapa dalam aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap dalam pengesanan awal disleksia bagi kanak-kanak prasekolah berdasarkan Teori

Spencer dan Spencer (1993).



1.4 Tujuan Kajian

Untuk mengenalpasti kompetensi guru prasekolah dan ibu bapa dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap terhadap pengesanan awal disleksia bagi kanak-kanak prasekolah.

1.5 Objektif Kajian

1.5.1 Mengenalpasti masalah pengesanan awal disleksia bagi kanak-kanak prasekolah dari pandangan guru prasekolah dan ibu bapa.

1.5.2 Mengenalpasti kompetensi guru prasekolah dan ibu bapa dari aspek pengetahuan, kemahiran serta sikap terhadap pengesanan awal disleksia bagi kanak-kanak prasekolah.

1.6 Persoalan Kajian

1.6.1 Apakah masalah pengesanan awal disleksia bagi kanak-kanak prasekolah dari pandangan guru prasekolah dan ibu bapa ?


1.6.2 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara kompetensi guru prasekolah dan ibu bapa dari aspek pengetahuan, kemahiran serta sikap terhadap pengesanan awal disleksia bagi kanak-kanak prasekolah?

1.7 Hipotesis Kajian

H₀ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kompetensi guru prasekolah dan ibu bapa dari aspek pengetahuan, kemahiran serta sikap terhadap pengesanan awal disleksia bagi kanak-kanak prasekolah.

1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan pandangan Solheim et al. (2018), gangguan disleksia boleh dikawal sekiranya melakukan intervensi bagi domain-domain kemahiran utama. Sehubungan dengan itu, pentingnya pengesanan awal dan intervensi jika datang ke intervensi lebih awal lebih baik hasilnya (Lovett et al., 2017). Oleh itu, penyelidik ingin membuat kajian aspek pengesanan awal Disleksia bagi kanak-kanak prasekolah agar dapat memberi kesan klinikal yang signifikan yang berterusan sehingga Pendidikan Menengah (Kjeldsen et al., 2019). Berikut merupakan rajah 1.8.1, kerangka konseptual kajian yang merumuskan keseluruhan konsep-konsep berdasarkan Teori Spencer dan Spencer (1993) dalam bentuk grafik.



Rajah 1.8.1. Kerangka Konseptual Kajian

Dalam peringkat permulaan, penyelidik mencari input masalah pengesanan awal disleksia bagi kanak-kanak prasekolah dari pandangan guru prasekolah dan ibu bapa melalui analisis *Systematic Literature Review* (SLR). Analisis SLR ini dibuat berdasarkan hasil dapatan kajian-kajian lepas berhubung dengan topik kajian dan persoalan kajian yang hendak dijawab. Seterusnya, peringkat proses pula, tahap kompetensi guru prasekolah dan ibu bapa dinilai melalui instrumen soal selidik yang



merangkumi tiga elemen utama iaitu pengetahuan, kemahiran dan sikap berdasarkan Teori Kompetensi yang berbunyi Teori Spencer & Spencer (1993). Kaedah yang hendak dilaksanakan adalah kaedah tinjauan. Seterusnya, penilaian tahap kompetensi guru prasekolah dan ibu bapa berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh daripada hasil tinjauan yang dianalisis menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences*, (SPSS), *2-way Anova*. Akhirnya, tahap kompetensi guru prasekolah dan ibu bapa dalam pengesanan awal disleksia meningkat berdasarkan nilai signifikan dalam ujian *2-way Anova*.



1.9 Definisi Operasional

Definisi operasional merupakan suatu bahagian dalam kajian untuk menerangkan pemboleh ubah yang hendak dikaji. Di dalam kajian ini, terdapat beberapa definisi yang digunapakai. Antaranya adalah seperti berikut;

1.9.1 Kompetensi

Kompetensi yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah pengetahuan, kemahiran dan sikap oleh guru prasekolah dan ibu bapa kanak-kanak prasekolah dalam pengesanan awal disleksia bagi kanak-kanak prasekolah.

1.9.2 Guru Prasekolah

Dalam kajian ini, guru prasekolah yang dipilih adalah guru yang mempunyai pengalaman lebih daripada tiga tahun dan mengajar di Sekolah Kerajaan sahaja.

1.9.3 Ibu Bapa

Ibu bapa yang dipilih adalah ibu bapa yang mempunyai anak yang belajar di Pendidikan Prasekolah Sekolah kerajaan sahaja. Secara umumnya, maklumat demografi seperti jantina, umur, agama, taraf pendidikan, pekerjaan dan pendapatan disertakan dalam instrumen soal selidik.

1.9.4 Pengesanan Awal

Pengesanan awal disleksia dalam kalangan kanak-kanak prasekolah dikaji berdasarkan tahap kompetensi guru prasekolah dan ibu bapa. Kedua-dua pihak ini amat penting dan merupakan individu yang meluangkan kebanyakan masa bersama mereka jadi aspek pengesanan awal dapat dilakukan dengan lebih efektif berbanding pihak lain.

1.9.5 Disleksia

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM, 2011) telah memberi takrifan mengenai ‘disleksia’ dalam Instrumen Senarai Semak Disleksia (ISD) yang berbunyi murid-murid yang mempunyai kecerdasan mental yang searas atau melebihi murid-murid biasa tetapi menghadapi kesukaran yang tinggi dalam menguasai kemahiran mengeja, membaca dan menulis.

1.9.6 Kanak-kanak Prasekolah

Kanak-kanak prasekolah dalam kajian ini adalah kanak-kanak yang berusia lima hingga enam tahun yang belajar di Sekolah Kerajaan yang mengikuti Pendidikan Prasekolah.

1.10 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada golongan guru pasekolah dan ibu bapa yang memiliki anak-anak dari umur lima hingga enam tahun bagi Pendidikan Prasekolah di Sekolah Kerajaan sahaja. Seterusnya, kajian ini juga dibataskan kepada empat daerah di negeri Perak iaitu daerah Larut Matang dan Selama, Kerian, Kuala Kangsar dan Batang Padang. Akhir sekali, kajian ini turut mempunyai batasan dalam bentuk penghantaran instrumen soal selidik iaitu dalam '*google form*'. Situasi ini berlaku disebabkan oleh musim pandemik yang mengakibatkan pengumpulan data secara digital.



1.11 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini akan memberi manfaat kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Khas, guru prasekolah, ibu bapa, badan bukan kerajaan dan kanak-kanak prasekolah. Pada mulanya, kajian ini amat penting bagi KPM kerana dapat mengetahui bilangan murid-murid yang lemah dalam penguasaan bahasa dan numerasi dari peringkat awal iaitu dari zaman prasekolah melalui penggunaan instrumen pengesanan awal yang standard bagi kanak-kanak prasekolah berdasarkan umur mereka. Seterusnya, kajian ini juga memberi manfaat kepada Jabatan Pendidikan Khas dengan menggunakan dan membuat adaptasi instrumen soal selidik pengesanan awal bagi disleksia untuk digunakan secara meluas di seluruh negara sebelum memulakan pendidikan formal kepada kanak-kanak.



Kajian ini memberi kepentingan dalam amalan pedagogi guru prasekolah. Misalnya, tahap kompetensi guru prasekolah dalam aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap perlu digilap untuk memberi kesan baik ke atas amalan pedagogi. Oleh itu, guru prasekolah perlu menggunakan instrumen pengesanan awal disleksia untuk mengetahui daerah-daerah kelemahan kanak-kanak dengan lebih jelas untuk menyediakan rancangan pendidikan individu. Kenyataan ini disokong oleh pandangan De Jong dan Van Bergen (2017), di mana profil kognitif dan pembelajaran yang lebih luas amat diperlukan untuk mengenal pasti daerah kelemahan dan kekuatan bagi seseorang kanak-kanak. Hal ini kerana Rancangan Pendidikan Individu (RPI) yang dibuat perlu berdasarkan kepada daerah-daerah sehingga memenuhi keperluan anak secara menyeluruh.





Bagi ibu bapa, kajian ini memberi ruang untuk menangani simptom-simptom Disleksia dari usia awal lagi untuk tujuan intervensi. Hasil kajian ini dapat memberi kesedaran ibu bapa untuk menimba ilmu, meningkatkan kemahiran dan mempunyai perilaku menerima kanak-kanak disleksia dengan sikap terbuka.

Secara tidak langsung, kajian kompetensi melibatkan guru prasekolah dan ibu bapa menjadi garis panduan kepada Badan Bukan Kerajaan (NGO) untuk dijadikan rujukan dan menceburi dengan lebih mendalam dalam bidang Pendidikan Khas Prasekolah bagi kategori Masalah Pembelajaran Disleksia. Hal ini kerana kajian-kajian lepas berkaitan aspek pengesanan awal melibatkan kompetensi guru prasekolah dan ibu bapa di Malaysia memang terhad. Justeru itu, penyelidik-penyelidik, pakar-pakar terapi, agensi kerajaan, agensi bukan kerajaan dan masyarakat dapat ilham daripada hasil kajian ini kerana aspek pengesanan awal disleksia amat penting bagi membendung kadar buta huruf di Malaysia.

Akhir sekali, kajian ini dapat memberi manfaat kepada kanak-kanak prasekolah untuk mengenali kelemahan dan meningkatkan potensi diri melalui sokongan dan bantuan daripada KPM, Jabatan, guru prasekolah, ibu bapa serta NGO. Hal ini kerana, setelah kanak-kanak itu dikenal pasti sejak umur prasekolah, maka pasukan multidisiplin seperti pakar-pakar terapi, doktor, guru prasekolah, ibu bapa dapat memainkan peranan masing-masing untuk kemenjadian murid selaras dengan hasrat PPPM (2013-2025) dalam membendung keciciran murid-murid dalam kadar literasi dan numerasi.





1.12 Rumusan Bab

Secara rumusannya, setiap pihak sama ada guru prasekolah, ibu bapa mahupun kanak-kanak digalakkan supaya berhenti memikirkan disleksia sebagai suatu halangan dalam proses pembelajaran. Malahan, setiap pihak harus memikirkan kebolehan individu, menilai kemahiran yang relevan dan membangun kekuatan untuk mengatasi kelemahan disebabkan oleh disleksia dengan cara yang efektif iaitu melalui pengesanan awal. Dengan ini, dapat menuju ke arah pendekatan moden yang dapat meminimalkan kesan negatif terhadap kesukaran literasi dan numerasi. Sehubungan dengan itu, pandangan ke atas disleksia oleh sistem pendidikan dan masyarakat telah berubah dan berkembang dari zaman dahulu. Secara keseluruhannya, kajian ini akan membuka minda setiap individu agar memberi kesedaran terhadap pengesanan awal disleksia sejak zaman Prasekolah.

